



MOHAMAD Sani menunjukkan tong gas LPG yang dirampas dalam serbuan di premis di Sungai Chua, Kajang, kelmarin.

Sita 35 tong LPG

Kajang: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Kajang menyita 35 tong gas petroleum cecair (LPG) dianggarkan bernilai lebih RM10,000 dalam serbuan di sebuah premis di Sungai Chua di sini, kelmarin.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Daerah Kajang, Mohamad Sani Mohamad Nor berkata, serbuan dilakukan hasil aduan dan risikan lebih dua ming-

gu di premis yang dijadikan stor penyimpanan tong gas berkenaan.

"Hasil serbuan itu, kami mendapati premis berkenaan dijadikan tempat menyimpan tong gas LPG yang dikategorikan sebagai barang kawalan tanpa lesen sah sebelum dijual.

"Dalam serbuan itu, kami merampas 35 tong gas LPG bagi muatan 50 kilogram yang dianggarkan mencecah RM10,800," katanya dalam kenyataan media, semalam.